

**Sarawak Miliki Ramuan Untuk Terus Membangun - Muhyiddin
Bernama
28 Aug, 2013**

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Kepimpinan yang stabil dan sokongan padu rakyat akan terus menjadi ramuan utama bagi membolehkan Sarawak menikmati anjakan pembangunan yang besar pada tahun-tahun mendatang, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya kepimpinan kerajaan negeri yang diterajui Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berjaya membuktikan keupayaan untuk membawa Sarawak terus melangkah maju.

"Dengan adanya kerajaan yang stabil ini memudahkan kita untuk merancang agenda pembangunan kita secara teratur dan rapi," katanya dalam majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran kerajaan negeri Sarawak di sini malam ini.

Menurutnya perancangan pembangunan Sarawak turut mendapat sokongan padu rakyatnya yang selama ini telah mendukung kepimpinan negeri.

"Ramuan-ramuannya sudah ada (untuk Sarawak terus membangun)... kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian khusus kepada bidang-bidang pembangunan yang kita rancangkan (di Sarawak)," katanya.

Muhyiddin berkata modal insan adalah antara bidang pembangunan yang akan menjadi tumpuan bagi memastikan rakyat Sarawak memperoleh pendidikan dan latihan yang terbaik untuk terus memacu pembangunan.

"Adalah penting untuk kita melabur dalam modal insan ini demi untuk memajukan negeri ini dan negara ini," katanya.

Mengenai sambutan Hari Raya Aidilfitri, beliau berkata rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana dapat menyambutnya dalam suasana yang aman dan tenteram, tidak seperti di beberapa negara Islam lain.

Katanya amalan rumah terbuka di Malaysia selama ini seharusnya dianggap oleh rakyat sebagai sesuatu yang istimewa kerana ia tidak dilaksanakan di kebanyakan negara lain.

"Keistimewaan inilah yang kita harus terus pertahankan dan dijaga sebagai kekuatan biarpun kita berada dalam kepelbagaian kaum dan agama," katanya.

Turut menghadiri majlis itu ialah Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu yang mewakili Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta beberapa anggota Kabinet negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973497>